



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**SESI PEMUKIMAN ANAK SYARIKAT MILIK AGENSI  
DI BAWAH KKLW BERSAMA  
YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**

**DEWAN UTAMA, ARAS 6,  
HOTEL PREMIERA, KUALA LUMPUR**

**25 JANUARI 2018 (KHAMIS)  
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmaanirrahiim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh Salam Sejahtera Dan Salam  
Negeraku Malaysia

## **SALUTASI**

Yang Berbahagia Datuk Borhan bin Dolah,  
Ketua Setiausaha KKLW

Pengerusi-Pengerusi Agensi dan Anak-Anak Syarikat

SUB-SUB Bahagian dan pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Agensi serta  
Anak Syarikat

Ketua Pengarah, Pengurus Besar, CEO-CEO Agensi dan Anak Syarikat,

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan  
Yang saya hormati sekalian.

1. Sebelum saya meneruskan ucapan pada hari ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2018.
2. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Kerana dengan limpah izin-Nya, maka dapat kita sama-sama berada dalam majlis yang mengumpulkan semua pengurusan tertinggi Agensi dan syarikat milik agensi di bawah KKLW daripada Pengerusi, CEO sehinggalah ahli Pengurusan syarikat.
3. Tujuan Retreat ini diadakan bagi membolehkan kita menilai pencapaian sepanjang tahun 2017. Selain itu juga, semua cabaran perlu dikenalpasti dan langkah-langkah penambahbaikan perlu disusuli bagi memastikan hala tuju syarikat pada tahun 2018 lebih realistik dan objektif.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Senario ekonomi Malaysia bagi tahun 2018 diunjurkan positif dengan KDNK antara 5 hingga 5.5% kesan daripada pemulihan ekonomi pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, kelembapan dalam pertumbuhan ekonomi China seperti dijangkakan, dan ketegangan geopolitik yang semakin meningkat di Timur Tengah,

Asia Utara, di samping dasar-dasar luas Amerika Syarikat, mungkin memberi risiko ke atas ekonomi global secara keseluruhannya, yang secara langsung akan memberi kesan ke atas Malaysia yang mengamalkan ekonomi terbuka.

5. Mengambil kira unjuran positif ekonomi negara bagi tahun 2018 ini, setiap syarikat disaran mengambil peluang ini untuk meraih sebanyak mungkin manfaat bagi menjana pendapatan dan meningkatkan kemajuan syarikat. Ini amat penting supaya syarikat mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh bagi menghadapi situasi-situasi di luar jangkaan yang mungkin berlaku.

6. Berdasarkan pembentangan semua agensi mengenai prestasi anak syarikat masing-masing, secara keseluruhannya semua syarikat telah menjana perolehan sebanyak RM4.09 bilion pada tahun 2017 berbanding RM 3.52 bilion pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak 17%. Manakala Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) bagi 2017 dianggarkan sebanyak RM217.4 juta berbanding RM183.8 juta pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak 19%.

7. Secara perbandingan, prestasi syarikat di Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) memerlukan banyak lagi penyelarasan dan penambahbaikan agar dapat menjana keuntungan bagi tahun ini. Di sinilah semua Syarikat Holdings memainkan peranan yang penting bukan sahaja memastikan halatuju dan fokus anak syarikat terhadap perniagaan teras, tetapi juga kawalan kos operasi dilaksanakan dengan sebaiknya.

8. Syarikat Holdings tidak perlu bersaing dengan anak syarikat untuk terlibat dalam perniagaan, sebaliknya menumpukan kepada memberikan semua khidmat sokongan yang diperlukan oleh anak syarikat untuk berkembang maju seperti:

- i. perkhidmatan korporat,
- ii. Perundangan, kesetiausahaan dan pematuhan,
- iii. Pentadbiran dan sumber manusia,
- iv. Kewangan dan audit dalam, dan
- v. Pembangunan perniagaan dan pemasaran.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Pada tahun lalu, Kementerian telah mewujudkan forum kerjasama strategik antara semua anak syarikat milik agensi di bawah KKLW menerusi MoU kerjasama dalam 6 kluster perniagaan. Pendekatan secara NBOS ini merupakan pendekatan terbaik yang mampu mengurangkan kos operasi dan menjana peningkatan pendapatan syarikat. Saya difahamkan, perolehan anak-anak syarikat yang terlibat dalam kerjasama ini telah meningkat.

10. Bagi melonjakkan lagi pendapatan syarikat, tahap kerjasama dalam setiap kluster perniagaan ini perlu terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Dengan promosi yang strategik sama ada melalui promosi bersemuka atau secara atas

talian, para pelanggan akan dapat ditarik minatnya kepada perkhidmatan atau produk yang ditawarkan. Sebagai contoh, di bawah kluster pelancongan, promosi strategik oleh anak-anak syarikat tidak hanya dengan menyertai ekspo-ekspo pelancongan dalam negara malah turut menyertai misi promosi ke luar negara. Negara-negara yang berpotensi bagi pemasaran produk pelancongan dan produk usahawan sebagaimana Laporan Tourisme Performance Report yang dikeluarkan oleh Bahagian Perancangan Strategik Tourisme Malaysia menunjukkan 3 negara tertinggi kemasukan pelancong adalah China, Arab Saudi dan United Kingdom. Pelancong-pelancong negara ini bukan sahaja memberikan pulangan kewangan kepada negara tetapi juga kepada usahawan-usahawan dan peniaga-peniaga tempatan yang turut menikmati kesan limpahan kehadiran mereka ke negara ini dengan pengaliran wang masuk sebanyak RM61.529 billion.

11. Begitu juga bagi membolehkan masyarakat luar bandar mendapatkan barangan kegunaan harian atau memasarkan produk masing-masing, Kementerian mewujudkan kluster pemborongan dan peruncitan. Menerusi kluster ini, syarikat milik agensi akan bekerjasama dalam pengumpulan, promosi dan pemasaran produk dalam skala yang lebih luas. Setiap kiosk atau outlet yang berkaitan akan dijenamakan sebagai DesaMart@KKLW. Dengan FELCRA Bhd sebagai pelaksana, secara tidak langsung syarikat akan terlibat dengan Dasar Keselamatan Makanan Negara di mana semua usaha digembeleng untuk menjamin bekalan makanan asas kepada setiap rakyat mencukupi.

12. Dengan penyelarasan yang baik, diharapkan agar limpahan ekonomi ini akan turut dirasai oleh masyarakat yang berada di luar Bandar. Limpahan ini sama ada dalam bentuk peluang pekerjaan ataupun peluang perniagaan. Di sinilah peranan syarikat untuk membantu agensi dan kementerian untuk menghayati denyut nadi masyarakat luar bandar. Dengan kerjasama yang erat, hasrat pucuk pimpinan Negara ini lebih mudah untuk dilaksanakan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

13. Kunci kepada kejayaan sesebuah syarikat adalah melalui kepimpinan yang baik. Dengan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang mempunyai misi dan visi yang jelas, semua urusan berkaitan syarikat akan menjadi lebih sistematik dan dinamik. CEO yang berwibawa akan memacu prestasi syarikat untuk menjana keuntungan dan seterusnya memberi pulangan balik kepada masyarakat melalui aktiviti-aktiviti CSR. Dalam mencari dan melahirkan CEO yang berwibawa dan kreatif, pihak Kementerian akan mewujudkan kategori CEO Terbaik bagi penilaian syarikat untuk tahun ini.

14. Saya berpandangan bahawa, kualiti seorang CEO yang terbaik bukan sahaja diukur menerusi kemampuan mengubah syarikat menjadi lebih berjaya daripada sebelumnya, malah turut melibatkan beberapa aspek lain. Antaranya, kemampuan syarikat membayar dividen yang tinggi kepada pemegang saham, penglibatan aktif

syarikat dalam program turun padang atau CSR kepada kumpulan sasar, dan juga kemampuan syarikat meneroka peluang pasaran di luar daripada lingkungan agensi masing-masing.

15. Bagi memastikan tadbir urus syarikat sentiasa berada pada tahap terbaik, Kementerian akan melancarkan Buku Garis Panduan Tadbir Urus Korporat KKLW 2018 dalam masa terdekat. Melalui buku ini nanti, diharapkan akan membolehkan pengurusan setiap syarikat menghayati dan memupuk budaya kerja yang terbaik dalam operasi syarikat seharian. Peranan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dinyatakan dengan jelas agar semua pihak yang terlibat dalam pengurusan dan halatuju syarikat dapat membentuk sebuah syarikat yang benar-benar mantap.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

16. Melangkah ke tahun 2018 ini, komitmen Kementerian untuk terus membantu dan membangunkan masyarakat luar bandar. Justeru, sumbangan setiap syarikat kepada Akaun Amanah BaktiDesa di peringkat Kementerian dan Tabung Yayasan di peringkat agensi masing-masing adalah amat dialu-alukan bagi membolehkan penyaluran bantuan pendidikan dan bencana serta lain-lain keperluan berjalan dengan lancar.

17. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi dan anak syarikat yang telah memberi sumbangan dan bantuan selama ini. Kementerian akan sedaya upaya membantu apa jua perancangan yang baik daripada anak syarikat kerana jika syarikat mencatatkan keuntungan, hasilnya nanti juga akan dirasakan oleh kumpulan sasar. Semoga pada tahun ini, dana sumbangan akan dapat ditingkatkan lagi.

18. Akhir kata, saya mengharapkan agar semua pencapaian yang telah dicapai dan semua isu yang dikenalpasti akan menjadi suatu cabaran untuk kita menerajui syarikat dengan lebih berkesan dan berjaya. Semoga agensi dan anak syarikat di bawah KKLW akan terus berkembang maju seiring perkembangan pesat dunia perniagaan tanpa sempadan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.